

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah pemulihan khususnya nasib pekerja dalam industri penerbangan melibatkan syarikat penerbangan MAS dan AirAsia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penularan wabak Covid-19 yang telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation - WHO) pada 11 Mac 2020 bukan sahaja telah menyebabkan krisis kesihatan dan sosial malah krisis ekonomi di kebanyakan negara di dunia. Sebagai sebuah negara perdagangan kecil yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka, Malaysia turut menerima kesan buruk akibat pandemik ini. Kesan ekonomi yang dialami ini bersifat menyeluruh dan dirasai oleh semua sektor dalam negara termasuklah sektor penerbangan yang disebabkan oleh penutupan sempadan dan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan bagi menangani penularan wabak COVID-19 tersebut.

Untuk makluman Ahli Dewan, Kerajaan komited membantu semua pihak yang terjejas dengan penularan wabak COVID-19 ini. Walau bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan tidak terlibat dalam pelan menyelamatkan mana-mana syarikat termasuk syarikat penerbangan komersial memandangkan Kerajaan perlu memastikan apa-apa bantuan yang diberikan terutamanya daripada segi kewangan mempunyai kerangka kerja dan objektif yang jelas. Tambahan pula, Kerajaan tidak mempunyai sebarang pegangan saham dalam mana-mana syarikat penerbangan tersebut. Justeru itu, sebarang cadangan pemulihan kewangan syarikat adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah dan pemegang saham syarikat masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga melalui Belanjawan 2021 akan menyediakan program latihan dan penempatan semula bagi 8,000 kakitangan dari syarikat penerbangan di Malaysia dengan peruntukan sebanyak 50 juta ringgit. Inisiatif khusus ini adalah sebagai tambahan kepada bantuan yang telah dilaksanakan melalui program-program seperti PRIHATIN, PRIHATIN PKS+, PENJANA dan KITA PRIHATIN serta inisiatif-inisiatif lain yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 bagi membantu pekerja dan rakyat yang terjejas pendapatan serta perniagaan yang mengalami masalah aliran tunai.

Sekian, terima kasih.